



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (b)

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana
kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**PEMERHATI KAJICUACA TINGKAT I (D.4 EB.5)
JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



**PEMERHATI KAJICUACA TINGKAT I
JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI
D.4 EB.5 (\$1,225 - \$1,625 EB KHAS \$1,665 - \$1,825 SEBULAN)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang bersesuaian.

ATAU


- b) Telah berkhidmat di Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam sebagai Pemerhati Kajicuaca Tingkat II atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

Lulus Peperiksaan Kelayakan Kajicuaca Tingkat I dan diakui sebagai '*WMO Meteorological Technician*'.

2. Berpengetahuan dan berpengalaman dalam iklim Negara Brunei Darussalam adalah kelebihan.
3. Berpengetahuan dalam penggunaan perisian komputer adalah kelebihan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Melapor diri kepada Pemerhati Kajicuaca Kanan Tingkat II tempat bertugas;
2. Sebagai Ketua Syif dalam satu kumpulan yang bertanggungjawab ke atas Pemerhati Kajicuaca Tingkat II dalam kumpulannya;
3. Memastikan kerja-kerja pencerapan cuaca yang dibuat oleh ahli kumpulannya adalah betul dan teratur;
4. Membuat pencerapan permukaan dan udara atas;



5. Menyunting data-data cuaca untuk dicatat di carta-carta kajicuaca;
6. Memeriksa dan menyelenggara peralatan asas kajicuaca;
7. Menyediakan maklumat cuaca untuk operasi penerbangan awam dan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB); dan
8. Menyemak data-data cuaca yang diplot di carta *Meteorological Aerodrome Report (METAR)*.